



## **KENYATAAN MEDIA**

### **SOROTAN PASARAN BURUH, SUKU KEEMPAT 2021**

---

**Pasaran buruh memperoleh semula momentum pada suku keempat 2021 mencatatkan penyertaan buruh yang lebih tinggi manakala permintaan buruh meningkat**

**PUTRAJAYA, 18 Februari 2022** – Pasaran buruh memperoleh semula momentum pada suku keempat 2021 mencatatkan penyertaan buruh yang lebih tinggi manakala permintaan buruh meningkat, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini dalam keluaran terkini Sorotan Pasaran Buruh, Suku Keempat 2021 (LMR ST4 2021). Laporan ini menghimpunkan statistik buruh suku tahunan dan mengetengahkan situasi terkini bagi menyediakan naratif yang komprehensif berhubung pasaran buruh Malaysia.

Menurut Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia “Pasaran buruh negara memperoleh semula momentum pada suku keempat 2021 apabila lebih banyak perniagaan beroperasi dengan kapasiti guna tenaga penuh dalam waktu operasi yang lebih panjang. Pada suku tersebut, sekolah dan institusi pendidikan dibuka dengan kemasukan pelajar secara berperingkat. Dari aspek sosial pula, penarikan semula larangan rentas negeri serta kebenaran untuk mengadakan majlis sosial dan rekreasi juga telah merangsang aktiviti pelancongan domestik. Perkembangan positif ini mendorong Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pulih 3.6 peratus selepas mengalami penguncutan pada suku sebelumnya. Justeru, guna tenaga terus meningkat pada suku ini sementara permintaan buruh melonjak naik sekaligus merekodkan kadar pengangguran paling rendah sejak pandemik melanda negara ini.”

Dari segi penawaran buruh, didapati penyertaan buruh yang lebih tinggi pada suku ini yang digambarkan oleh kenaikan kadar penyertaan tenaga buruh sebanyak 0.2 mata peratus tahun ke tahun kepada 68.7 peratus (ST4 2020: 68.5%). Bilangan tenaga buruh meningkat 1.3 peratus merekodkan 16.14 juta orang disumbangkan terutamanya oleh kenaikan 1.8 peratus penduduk bekerja yang merangkumi 15.44 juta orang (ST4 2020: 15.16 juta). Sebaliknya, bilangan penganggur berkang

sebanyak 8.7 peratus kepada 694.4 ribu orang (ST4 2020: 760.7 ribu). Ini juga merupakan kali pertama pengangguran turun kepada paras bawah 700 ribu sejak pandemik melanda. Berdepan dengan cabaran situasi pengangguran yang berterusan, kadar pengangguran negara susut 0.5 mata peratus tahun ke tahun kepada 4.3 peratus (ST4 2020: 4.8%) mencatatkan kadar terendah sejak krisis kesihatan awam.

Berhubung situasi guna tenaga tidak penuh di negara ini, Ketua Perangkawan berkata, "Kebenaran tempoh pengoperasian seperti sebelum pandemik bagi lebih banyak aktiviti ekonomi dan sosial mendorong kepada bilangan penduduk bekerja kurang dari 30 jam seminggu menurun dengan ketara sebanyak 26.2 peratus tahun ke tahun, mencatatkan seramai 393.8 ribu orang. Justeru, kadar guna tenaga tidak penuh berkaitan masa menyusut 0.5 mata peratus kepada 1.9 peratus merangkumi 293.1 ribu orang (ST4 2020: 2.4%; 369.1 ribu). Pada masa yang sama, lebih satu per tiga penduduk bekerja berpendidikan tertiar bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah. Walaupun bilangan dalam kategori ini berkurang 2.6 peratus kepada 1.84 juta orang (ST4 2020: 1.89 juta), kadar guna tenaga berkaitan kemahiran terus meningkat, dengan kenaikan marginal 0.1 mata peratus kepada 37.5 peratus (ST4 2020: 37.4 peratus)."

Mengulas berkenaan prestasi permintaan buruh, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata "Jumlah jawatan dalam sektor ekonomi meningkat buat pertama kalinya selepas penurunan berterusan sejak enam suku tahun yang lalu, mencatatkan peningkatan 0.9 peratus tahun ke tahun kepada 8.53 juta jawatan (ST4 2020: 8.46 juta). Walaupun ianya kekal rendah berbanding tempoh pra-pandemik, bilangan jawatan dalam suku keempat 2021 merupakan yang tertinggi direkodkan semasa krisis kesihatan awam. Jawatan diisi yang meliputi 97.8 peratus daripada keseluruhan jawatan meningkat 0.8 peratus kepada 8.35 juta (ST4 2020: 8.28 juta). Sementara itu, kekosongan jawatan yang merangkumi 2.2 peratus daripada keseluruhan jawatan meningkat 4.4 peratus kepada 183.6 ribu kekosongan berbanding 175.9 ribu yang direkodkan pada suku yang sama tahun 2020. Kedudukan permintaan buruh yang lebih baik pada suku tersebut juga ditunjukkan oleh peningkatan 25.0 peratus dalam pewujudan jawatan merekodkan sebanyak 20.9 ribu."

Dengan ekonomi berkembang pada suku keempat 2021, produktiviti buruh yang diukur melalui nilai ditambah per pekerja kembali merekodkan peningkatan 1.7 peratus (ST3 2021: -5.6%) berbanding suku yang sama tahun lepas kepada RM24,006 per pekerja (ST4 2020: RM23,603; ST3 2021: RM21,983). Begitu juga,

nilai ditambah per jam bekerja turut naik 1.3 peratus dengan nilai RM42.2 per jam (ST4 2020: RM41.7; ST3 2021: RM40.9) selepas merekodkan penurunan 0.6 peratus pada suku tahun sebelumnya. Jumlah jam bekerja pada suku ini meningkat 2.3 peratus kepada 8.78 bilion jam. Statistik terperinci mengenai prestasi produktiviti buruh mengikut sektor ekonomi boleh diperoleh dalam laporan yang diterbitkan semalam.

Ketua perangkawan turut memperihalkan lebih lanjut berkenaan prestasi pasaran buruh bagi tahun 2021, “Anggaran awal berdasarkan purata data bulanan menunjukkan bahawa bilangan penduduk bekerja meningkat 3.0 peratus kepada 15.40 juta orang pada 2021, melebihi 15.07 juta orang yang direkodkan semasa tempoh pra-pandemik pada 2019. Sementara itu, bilangan penganggur terus meningkat sebanyak 4.3 peratus kepada 741.4 ribu (2020: 711.0 ribu). Kadar pengangguran tahunan yang direkodkan ialah 4.6 peratus pada 2021, naik 0.1 mata peratus dari tahun 2020 (4.5%). Oleh itu, bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 3.0 peratus kepada 16.14 juta orang manakala KPTB naik sebanyak 0.2 mata peratus kepada 68.6 peratus.”

Tahun 2021 juga menyaksikan pemulihan dalam permintaan buruh dengan jawatan dalam sektor swasta meningkat kepada 8.53 juta selepas penurunan 2.4 peratus pada tahun 2020 (8.46 juta). Namun begitu, bilangan jawatan pada 2021 masih lebih rendah berbanding 8.66 juta jawatan yang direkodkan pada 2019 berikutan sekatan sosioekonomi yang dilaksanakan bagi membendung pandemik berpanjangan sehingga 2021. Begitu juga, bilangan pewujudan jawatan pada 2021 adalah sebanyak 69.5 ribu, lebih rendah berbanding 73.3 ribu pewujudan jawatan pada tahun sebelumnya. Dari segi kecekapan buruh, dengan pertumbuhan positif ekonomi sebanyak 3.1 peratus pada 2021, produktiviti buruh per pekerja meningkat 1.8 peratus dari negatif 5.5 peratus pada 2020 merekodkan RM90,647 per pekerja (2020: RM89,022). Susulan peningkatan yang lebih tinggi dalam jumlah jam bekerja sebanyak 5.8 peratus kepada 33.84 bilion jam (2020: 31.97 bilion) berbanding pertumbuhan KDNK, produktiviti buruh per jam bekerja turun 2.6 peratus mencatatkan RM41.0 per jam (2020: RM42.0). ”

Tidak dinafikan, krisis COVID-19 telah memberi kesan kepada ekonomi global dan pasaran buruh. Malaysia juga tidak terkecuali apabila negara melaksanakan pelbagai sekatan sosioekonomi bagi mengekang krisis kesihatan awam. Kesan terhadap struktur pasaran buruh dijangka berterusan walaupun selepas Malaysia beralih ke fasa endemik, dengan beberapa sektor dan pekerjaan merekodkan pengurangan manakala selebihnya mengalami peningkatan. Oleh itu, kajian "Penilaian Awal

"Pemulihan Pasaran Buruh Sektoral Malaysia Semasa Krisis COVID-19" mendapati di sebalik permintaan dan pengeluaran yang lebih perlahaan mengakibatkan ekonomi menyusut ketara, guna tenaga mencatatkan penurunan marginal atau meningkat pada kadar yang lebih perlahaan. Ini mungkin disebabkan oleh usaha dalam mengekalkan pekerja dengan gaji dan upah yang lebih rendah sepanjang tempoh yang mencabar. Bagi penawaran buruh, ini juga mungkin kerana mereka yang telah kehilangan pekerjaan dalam industri tertentu sebenarnya telah beralih ke pekerjaan dalam industri lain atau memilih untuk bekerja sendiri bagi memastikan kelangsungan kehidupan mereka. Artikel penuh mengenai kajian ini boleh diakses daripada laporan ini.

Krisis kesihatan telah membuka peluang kepada perniagaan dan individu dalam memastikan kemampuan melalui penggunaan teknologi. Peralihan kepada pendigitalan yang mana merupakan ciri utama Revolusi Perindustrian 4.0 telah mendorong kepada peningkatan dalam aturan kerja yang lebih fleksibel atau dikenali sebagai pekerjaan gig. Dengan syarat kemasukan yang minimum, pekerjaan gig menyediakan penyelesaian sementara untuk penjanaan pendapatan berikutnya kehilangan pekerjaan terdahulu dan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan lain dengan bayaran upah yang sama atau lebih tinggi. Di sebalik pelbagai bentuk fleksibiliti, kekurangan penglibatan dalam jenis pekerjaan ini adalah ketiadaan liputan jaringan keselamatan sosial. Justeru, inisiatif strategik yang digariskan dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia yang dilancarkan tahun lepas telah melakar trajektori ekonomi digital negara. Hal ini boleh menjadi pemangkin dalam mempertingkatkan pekerjaan gig ke tahap baharu yang akhirnya menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih tinggi. Dengan undang-undang yang lebih baik dan hak pekerja yang melindungi pekerja gig, pekerjaan gig boleh menarik penglibatan pekerja berkemahiran tinggi dan menjadi pilihan yang mampan serta menguntungkan pada masa hadapan.

Mengakhiri kenyataan beliau, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, "Berbanding suku yang sama pada 2020 ketika negara berada di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan, pasaran buruh Malaysia semakin baik pada ST4 2021 selaras dengan pelaksanaan PPN. Memasuki tahun 2022, seluruh negara berada dalam Fasa 4 PPN dengan pembukaan semula lebih banyak aktiviti sosioekonomi dan kelonggaran pelbagai sekatan yang dilaksanakan sebelum ini. Berbeza dengan tindakan sekatan seluruh negara, pelaksanaan mekanisme kawalan secara bersasar mungkin dapat memberi keyakinan kepada perniagaan untuk mengekalkan operasi mereka dan seterusnya memperkuuh pasaran buruh."

Jabatan Perangkaan Malaysia sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022. Jabatan ini amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada pegawai DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
18 FEBRUARI 2022**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

## **MEDIA STATEMENT**

### **LABOUR MARKET REVIEW, FOURTH QUARTER OF 2021**

***Labour market regained momentum in the fourth quarter of 2021 recording higher labour participation while labour demand picked up***

**PUTRAJAYA, 18 February 2022** – Labour market regained momentum in the fourth quarter of 2021 recording higher labour participation while labour demand picked up, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today on the release of Labour Market Review, Fourth Quarter 2021 (LMR Q4 2021). This publication consolidates quarterly labour statistics and highlighted the recent situation to provide a comprehensive narrative on Malaysia's labour market.

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the Chief Statistician Malaysia, "The national labour market had regained momentum in the fourth quarter of 2021 as more businesses operated with full employment capacity in longer operation hours. During the quarter, schools and educational institutions were opened with admission of students in stages. On the social front, the removal of inter-state travel ban coupled with permission to organise social and recreational events had also stimulated domestic tourism activity. The positive development had resulted in the Gross Domestic Product (GDP) to rebound by 3.6 per cent after a contraction in the previous quarter. Consequently, employment continued to trend up in this quarter while demand for labour surged and attributed to the lowest unemployment rate since the pandemic hit this country."

In terms of labour supply, higher labour participation was observed in this quarter reflected by labour force participation rate (LFPR) which edged up 0.2 percentage points year-on-year to 68.7 per cent (Q4 2020: 68.5%). The number of labour force rose 1.3 per cent to record 16.14 million persons, predominantly contributed by the increment of 1.8 per cent in employed persons which accounted for 15.44 million persons (Q4 2020: 15.16 million). On the contrary, the number of unemployed persons lessened by 8.7 per cent to 694.4 thousand persons (Q4 2020: 760.7 thousand). This was also the first time unemployment eased to below 700 thousand since the pandemic hit. After continually challenging unemployment situation, the national

unemployment rate slipped 0.5 percentage points year-on-year to 4.3 per cent (Q4 2020: 4.8%) registering the lowest rate since the public health crisis.

*Bringing focus to underemployment situation in the country, the Chief Statistician commented, “The permission for more economic and social activities to operate at the usual pre-pandemic hours had resulted in the number of persons working less than 30 hours per week to decline considerably by 26.2 per cent year-on-year, recording 393.8 thousand persons. Consequently, the rate of time-related underemployment decreased by 0.5 percentage points to 1.9 per cent comprising 293.1 thousand persons (Q4 2020: 2.4%; 369.1 thousand). In the meantime, more than one third of employed persons with tertiary education were employed in the semi-skilled and low-skilled occupations. Although the number in this category reduced 2.6 per cent to 1.84 million persons (Q4 2020: 1.89 million), the rate of skill-related underemployment continued to increase, albeit marginally by 0.1 percentage point to 37.5 per cent (Q4 2020: 37.4 per cent).”*

*Elaborating on performance of labour demand, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “Total jobs in the economic sector picked up for the first time after continuous decline for the last six quarters, registering a growth of 0.9 per cent year-on-year to 8.53 million jobs (Q4 2020: 8.46 million). Although it remained lower than the pre-pandemic period, the number of jobs in the fourth quarter of 2021 was the highest during the public health crisis. Filled jobs which comprised of 97.8 per cent of jobs rose 0.8 per cent to 8.35 million (Q4 2020: 8.28 million). Meanwhile, job vacancies which made another 2.2 per cent of jobs surged 4.4 per cent to 183.6 thousand vacancies compared to 175.9 thousand recorded in the same quarter of 2020. Better labour demand situation during the quarter was also indicated by the 25.0 per cent increase in the number of jobs created, accounting for 20.9 thousand.”*

*As the economy expanded in the fourth quarter of 2021, labour productivity measured by value added per employment turned around by 1.7 per cent (Q3 2021: -5.6%) as against the same quarter last year to RM24,006 per person (Q4 2020: RM23,603; Q3 2021: RM21,983). Likewise, value added per hour worked also increased by 1.3 per cent with a value of RM42.2 per hour (Q4 2020: RM41.7; Q3 2021: RM40.9) after a 0.6 per cent decline in the previous quarter. Total hours worked went up by 2.3 per cent to register 8.78 billion hours in this quarter. Detailed statistics on the performance of labour productivity by economic sectors are available in the report which was released yesterday.*

*The Chief Statistician further highlighted on the performance of labour market for the year 2021, “Preliminary estimates based on monthly average data indicated that the number of employed persons surged 3.0 per cent to 15.40 million persons in 2021, exceeded 15.07 million recorded during pre-pandemic period in 2019. In the meantime, the number of unemployed persons increased further by 4.3 per cent to 741.4 thousand (2020: 711.0 thousand). The unemployment rate recorded during the year was at 4.6 per cent in 2021, went up 0.1 percentage point from 2020 (4.5%). Thus, the number of labour force rose by 3.0 per cent to 16.14 million persons while LFPR edged up by 0.2 percentage points to 68.6 per cent.*

*The year 2021 has also observed improvement in the labour demand as jobs in the private sector increased to 8.53 million after declining 2.4 per cent in 2020 (8.46 million). Nevertheless, the level of jobs in 2021 was still lower than 8.66 million jobs recorded in 2019 amid the socioeconomic restrictions to contain the pandemic which prolonged into 2021. Similarly, a total of 69.5 thousand jobs were created in 2021, lesser than 73.3 thousand jobs created in the prior year. In terms of labour efficiency, with the positive economic growth of 3.1 per cent in 2021, labour productivity per employment picked up 1.8 per cent from negative 5.5 per cent in 2020 to record RM90,647 per person (2020: RM89,022). Following higher increase in total hours worked by 5.8 per cent to 33.84 billion hours (2020: 31.97 billion) as compared to the GDP growth, the labour productivity per hour worked dropped 2.6 per cent registering RM41.0 per hour (2020: RM42.0).”*

*Undoubtedly, the COVID-19 crisis has impacted the global economy and the labour market. Malaysia is not an exception to this matter as the country implemented multiple socioeconomic restrictions to contain the public health crisis. It is anticipated that some of the effects on the labour market structure may be persistent even after Malaysia turned to endemic phase, with some sectors and occupations permanently shrinking while others expanding. Thus, “Early Assessment of Malaysia’s Sectoral Labour Market Recovery Amid COVID-19 Crisis” study found that despite slower demand and production that resulted in sharp economic contraction, employment registered a marginal decline or remained upward albeit at a slower rate. This could be due to efforts to retain employees with lower salaries and wages throughout the challenging time. As for labour supply, this could also mean that those who had lost employment in particular industry had actually shifted to secure employment in another industry or move to self-employment job in ensuring their livelihood. Full article on this study can be accessed from this report.*

*The health crisis had presented the opportunity for businesses and individuals to leverage upon technology in ensuring sustainability. The shift towards digitalisation which had been identified as the key features of Industrial Revolution 4.0 continues to foster the rise in a more flexible working arrangement or better known as gig job. With low barriers for entry, gig jobs provides a temporary solution for income generation following losing previous employment and difficulties in securing another one with equal or higher pay. Despite all the flexibilities, the drawbacks of working in this type of job is lack of social safety net. Hence, the strategic initiatives outlined in the Malaysia Digital Economy Blueprint which was launched last year charts the trajectory of digital economy for the country. This can act as a catalyst to bring the gig work to a new level which ultimately contribute to increase efficiency and higher economic growth for Malaysia. With better law and employment rights protecting the gig workers, gig job can attract involvement of high skilled personnel and become a sustainable as well as a profitable option in the future.*

*Ending his statement, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "Malaysia's labour market in Q4 2021 improved considerably amid the NRP compared to the same quarter in 2020 when the country was under Recovery Movement Control Order. Moving into the year 2022, the whole nation was in Phase 4 of the NRP with reopening of more socioeconomic activities and further loosening of previous containment measures. Instead of yet another nationwide restriction, targeted mechanism designed by the Government was implemented to keep the situation at bay may gives confidence to the businesses to sustain their operation and subsequently strengthen the labour market."*

*The Department of Statistics Malaysia is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022. The Department greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM officers and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.*

*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA  
18 FEBRUARY 2022**